



23 Disember 2021
23 December 2021
P.U. (A) 469

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN)
(NO. 2) 2021

*CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES)
(NO. 2) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (NO. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai 25 Disember 2021 hingga 24 Disember 2026.

Duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Deskripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [P.U. (A) 5/2017].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import dan cukai jualan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah Perintah ini tidak menjaskankan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*].

JADUAL

[Perenggan 2]

DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1) No. Kepala/ Subkepala	(2) Perihalan barang-barang	(3) Negara	(4) Pengeluar/ Pengeksport	(5) Kadar Duti [Peratusan (%)] Daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]	
7312.10.91 00	Dawai keluli berlembar bagi konkrit prategasan	Republik Rakyat China	Silvery Prestressed Materials Co., Ltd Tianjin	Dragon	9.47%
		Tianjin	Dalu Steel Strand For Prestressed Co., Ltd.		2.09%
		Lain-lain			21.72%

Dibuat 22 Disember 2021

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.10 Sk.8; MOF.TAX(S)700-4/1/838(18); PN(PU2)338D/JLD.6]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967*]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993 AND CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (NO. 2) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by section 25 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (No. 2) Order 2021**.

(2) This Order has effect for the period of five years from 25 December 2021 to 24 December 2026.

Anti-dumping duties

2. Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from the country specified in column (3) by the producers or exporters specified in column (4) into Malaysia at the rates specified in column (5).

Payment of anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the General Rules for the Interpretation of the Harmonized System under the International Convention on the Harmonized Commodity Description and Coding System in the Customs Duties Order 2017 [P.U. (A) 5/2017].

(2) The heading or subheading number specified in column (1) of the Schedule are provided for ease of reference and has no binding effect on the classification of goods described in column (2).

Effect on import duties and sales tax

5. The anti-dumping duties imposed under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

- (a) import duties under the Customs Act 1967; and
- (b) sales tax under the Sales Tax Act 2018 [Act 806].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

ANTI-DUMPING DUTIES

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Heading No./ Subheading	Description of goods	Country	Producer/ Exporter	Rate of Duties [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF)]
7312.10.91 00	Stranded steel wires for prestressing concrete	People's Republic of China	Silvery Prestressed Co., Ltd Tianjin Dragon Materials Tianjin Dalu Steel Strand For Prestressed Co., Ltd.	9.47% 2.09%
			Others	21.72%

Made 22 December 2021

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.10 Sk.8; MOF.TAX(S)700-4/1/838(18); PN(PU2)338D/JLD.6]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]